

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**  
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT**  
**PARLIMEN KE-13 (2016)**

**PERTANYAAN** : **LISAN**

**DARIPADA** : **YB TUAN HAJI AHMAD NAZLAN BIN IDRIS**

**TARIKH** : **14 MAC 2016 (ISNIN)**

**SOALAN** :

**Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [ Jerantut ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah pembekuan pengambilan kakitangan awam masih diteruskan. Berapakah peratusan calon yang lulus dan dilantik oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam daripada jumlah bilangan calon yang hadir temuduga berdasarkan kaum pada tahun 2015.

**JAWAPAN :**

**Tuan Yang di Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan tidak pernah melaksanakan pembekuan pengambilan kakitangan awam. Sebaliknya, pada April 2015, Kerajaan telah memutuskan untuk melaksanakan inisiatif penggunaan sumber manusia secara optimum dengan mengawal jumlah perjawatan dan pengisian sektor awam. Berdasarkan inisiatif ini, pengambilan bagi tujuan pengisian kekosongan jawatan akibat persaraan, perletakan jawatan, kematian dan penamatan perkhidmatan masih dilaksanakan seperti biasa, manakala pewujudan jawatan baru sahaja yang dibekukan. Sehubungan dengan itu,

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia (SPA) masih lagi meneruskan pengambilan kakitangan awam dari semasa ke semasa bagi tujuan di atas.

Berkenaan peratusan calon yang dilantik ke Perkhidmatan Awam berbanding jumlah calon yang hadir temu duga mengikut kaum, pada tahun 2015, SPA telah menerima sebanyak 1,629,882 permohonan untuk memasuki perkhidmatan awam di mana 1,297,534 daripadanya adalah permohonan daripada kaum Melayu, 26,910 permohonan daripada kaum Cina, 56,347 permohonan daripada kaum India, 124,811 permohonan daripada Bumiputra Sabah, 91,476 permohonan daripada Bumiputra Sarawak, 3,535 permohonan daripada Orang Asli dan 29,269 permohonan dari lain-lain kaum.

Daripada jumlah tersebut, seramai 19,161 calon Melayu telah dilantik tetap ke dalam perkhidmatan atau 15.13% daripada jumlah calon Melayu yang hadir temu duga; seramai 1,192 calon Cina telah dilantik tetap atau 42.02% daripada jumlah calon Cina yang hadir temu duga; seramai 971 calon kaum India telah dilantik tetap atau 25.29% daripada jumlah calon India yang hadir temu duga; seramai 1,608 calon Bumiputra Sabah telah dilantik tetap atau 15.23% daripada jumlah calon Bumiputera Sabah yang hadir temu duga; seramai 1,214 calon Bumiputra Sarawak telah dilantik tetap atau 12.51% daripada jumlah calon Bumiputera Sarawak yang hadir temu duga; seramai 174 calon Orang Asli telah dilantik tetap atau 16.70% daripada jumlah calon Orang Asli yang hadir temu duga; dan seramai 380 calon dari kaum-kaum lain telah dilantik tetap atau 14.74 % daripada jumlah calon kaum-kaum lain yang hadir temu duga.

Sekian, terima kasih.